



SIARAN MEDIA

MOT, RAC DAN KTMB SATUKAN TRANSFORMASI MOBILITI, EKONOMI & KELESTARIAN NEGARA

JOHOR BAHRU, 11 Disember 2025 – Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas–Johor Bahru (PLBEGJB), satu daripada inisiatif infrastruktur rel terbesar negara mencatat detik bersejarah hari ini dengan berlangsungnya majlis penyempurnaan dan pengoperasiannya. Majlis tersebut disempurnakan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor, dengan turut dihadiri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri di Stesen Kempas Baru.

Projek nasional berskala besar ini direalisasikan melalui kerjasama strategik tiga (3) entiti utama — Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) sebagai peneraju dasar, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sebagai pengendali perkhidmatan rel dan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) sebagai pemilik aset serta pemacu pembangunan bersepadu. Kesepaduan ini menandakan fasa penting dalam pemodenan sistem pengangkutan rel negara, selaras dengan aspirasi Malaysia ke arah rangkaian mobiliti yang pantas, moden, selamat dan mampan.

PLBEGJB: JAJARAN 192KM PEMANGKIN MOBILITI & EKONOMI SELATAN

PLBEGJB merangkumi jajaran sepanjang 192 kilometer dan melibatkan 11 stesen moden yang direka bentuk untuk meningkatkan kapasiti perjalanan, mempercepat operasi rel serta memperkukuh hubungan ekonomi di koridor Johor–Selatan.

Dengan siapnya projek ini, perjalanan antara Johor dan Kuala Lumpur kini menjadi lebih laju, selesa dan mudah diakses, sekali gus memperkukuh kedudukan Johor sebagai hab pengangkutan strategik serantau.

ETS KL–JB BERMULA 12 DISEMBER 2025

Perjalanan Lebih Lancar dan Cepat untuk Rakyat

KTMB secara rasminya memperkenalkan perkhidmatan ETS KL Sentral – JB Sentral – KL Sentral bermula 12 Disember 2025, melengkapkan sambungan laluan yang sebelum ini berakhir di Kluang.

Jadual perjalanan utama:

- KL Sentral 7.45 pagi → JB Sentral 12.05 tengah hari
- JB Sentral 8.40 pagi → KL Sentral 1.00 petang
- KL Sentral 5.35 petang → JB Sentral 9.55 malam
- JB Sentral 4.20 petang → KL Sentral 8.40 malam





Tiket bermula RM82 sehalal dan boleh diperolehi melalui aplikasi KITS Style, kios tiket serta laman web rasmi KTMB bagi perjalanan sehingga Mei 2026.

Sebagai penghargaan kepada rakyat, KTMB turut menawarkan diskaun 30% bagi perjalanan ETS sektor Selatan dari 12 Disember 2025 hingga 11 Januari 2026, menggunakan kod promosi JBBEST (terhad kepada 5,000 penebusan).

KENYATAAN MOT: MERINTIS INFRASTRUKTUR MASA DEPAN

YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan menekankan:

"Penyempurnaan PLBEGJB merupakan detik penting dalam pembangunan rel negara. Ia membuktikan keberhasilan kerjasama antara MOT, RAC, KTMB dan rakan industri dalam membina rangkaian pengangkutan moden dan inklusif. Projek ini meningkatkan mobiliti rakyat, merencanakan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan ekosistem pengangkutan mampan untuk generasi akan datang."

KENYATAAN KTMB: HUBUNGAN KOMUNITI, PERKASA EKONOMI

Ketua Pegawai Teknikal KTMB (Menanggung Tugas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan), YBrs. Ir. Ahmad Nizam bin Mohamed Amin, menyatakan:

"Perkhidmatan ETS KL-JB adalah lonjakan besar dalam hubungan antara dua (2) wilayah utama negara. Ia menawarkan perjalanan lebih cepat dan selesa, sekaligus memacu mobiliti, pelancongan dan aktiviti ekonomi di Johor serta Lembah Klang."

KENYATAAN RAC: PEMBANGUNAN BERORIENTASIKAN TRANSIT (TOD) & KELANGSUNGAN EKOLOGI

RAC turut membentangkan pelan pembangunan tanah seluas 268 ekar tanah di Mukim Tebrau (PTD 40050) merangkumi:

- 214 ekar untuk pembangunan Transit-Oriented Development (TOD),
- 54 ekar untuk keperluan operasi perkeretapihan dengan potensi pembangunan bernilai RM20 bilion dalam tempoh 15 – 20 tahun.

RAC juga memperkukuh komitmen kelestarian melalui:

- Pemasangan 10-unit GPS Collar bagi pemantauan hidupan liar di sepanjang jajaran PLBEGJB dengan peruntukan sebanyak RM500,000;
- Pelaksanaan 21 lokasi food bank gajah di sepanjang laluan migrasi dengan kerjasama PERHILITAN.





Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad berkata:

"RAC komited memastikan pembangunan rel di Malaysia menjadi model seimbang antara kemajuan dan kelestarian. TOD di Johor Bahru bakal melahirkan bandar moden sementara inisiatif konservasi hidupan liar memastikan ekologi terus dipelihara."

PENUTUP: KERAJAAN, INDUSTRI & RAKYAT MELANGKAH SEIRING

Pelancaran PLBEGJB dan perkhidmatan ETS KL-JB membuktikan kesepaduan antara MOT, KTMB dan RAC dalam memastikan pengangkutan negara:

- Lebih moden dan berorientasikan rakyat,
- Memperkasa ekonomi Johor dan wilayah selatan,
- Memelihara kelestarian alam sekitar, dan
- Menyediakan infrastruktur rel bertaraf dunia untuk masa depan Malaysia.

MOT kekal komited dalam memacu pembangunan pengangkutan negara yang efisien, bersepadu dan mampan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
11 DISEMBER 2025

– TAMAT –

INFO KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (MOT)

Kementerian Pengangkutan bertekad untuk memimpin pembangunan sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkukuh teknologi serta jaringan mobiliti sebagai pemangkin kemajuan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan Malaysia
+603 8892 1027 | unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

Ane Salfarizan Binti Mispani | Unit Hal Ehwal Korporat | Perbadanan Aset Keretapi
29-1 Sentral RAC, No 16, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur
Malaysia (O) : 03-7459 0200 | salfarizan@rac.gov.my | <https://www.rac.gov.my>

Nurul Asyura Abdul Rahman | Strategic Communications | Keretapi Tanah Melayu Berhad
KTMB Headquarters, Jalan Sultan Hishamuddin, 50621 Kuala Lumpur
(O) : 03-2263 1103 | nurulasyura@ktmb.com.my | <https://www.ktmb.com.my>

Nina Jamil | Unit Komunikasi Strategik | SIPP-YTL JV
SIPP-YTL JV, Menara YTL, 205, Jalan Bukit Bintang, 55100, Kuala Lumpur
(HP) : 012-3874322 | nina.farizah@sippytl.com | <https://ytlconstruction.com/>

